

Istana: Mahathir jelaskan maksud teguran

28 SEP 1989

DATUK SERI Dr. Mahathir Mohamad berkata pembabitan setengah-setengah pihak yang menggunakan golongan istana, sudah sampai ke tahap berat dan memerlukan tindakan.

Dalam sidang akhbar ketika berhat di Perhimpunan Agung Umno semalam, Perdana Menteri secara terus-terang berkata golongan itu ialah ahli-ahli perniagaan yang cuba mendapatkan pengaruh istana untuk mendapat sesuatu projek.

Beliau menegaskan bahawa kerajaan mengenai mereka yang terbabit dan jika kegiatan mereka berterusan, nama mereka akan diletakkan dalam senarai hitam.

Projek

Itulah sebabnya saya memberi amaran awal supaya mereka menghentikan kegiatan itu, katanya.

Beliau menjelaskan kegiatan golongan itu sudah agak lama dan memerlukan tindakan segera supaya tidak merembak.

Bagaimanapun, beliau

berkata pembabitan golongan itu tidak ada kena-mengena dengan kepentingan politik.

Golongan itu dikatakan menggunakan pengaruh istana untuk mendapatkan sesuatu projek besar dan mendesak kerajaan meluluskannya.

Ditanya sama ada tegurannya itu akan mengecilkan hati golongan raja, beliau berkata: "Ia adalah untuk kepentingan mereka juga.

"Kita tidak mahu sistem raja berperlembagaan dipersoalkan oleh rakyat. Di sana sini pun sudah ada rakyat yang bercakap mengenainya," katanya.

"Saya yakin raja-raja faham niat saya. Jika golongan terbabit terus-menerus menggunakan raja, nama baik raja juga yang akan tercemar," katanya.

Mengenai Perhimpunan Agung tahun ini yang tidak begitu rancak, beliau berkata ini kerana tidak ada pemilihan. Sambil bergurau beliau berkata "mungkin juga kerana alat pendingin udara."